

12/08/2000

Sabariah Bunsu .... cecal didik tujuh anak

Misiah Taib

TERLANTAR sakit selama dua minggu, berjalan kaki sejauh tujuh kilometer sambil membimbit barangan jualan dan mengikat perut untuk menabung bagi keperluan pendidikan anak-anak, semuanya dilalui Sabariah Bunsu.

Malah, kerana terlalu terdesak untuk menghantar anaknya melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi (IPT), ibu tunggal ini pernah nekad menggadaikan surat tanah tapak kediamannya, sambil menanam keyakinan akan bekerja keras untuk menebus kembali surat tanah terbabit.

Dalam keadaan sakit sekalipun, beliau menguatkan diri untuk mencari rezeki halal, bagi memastikan hasrat untuk melihat anak-anak berjaya, tercapai.

Pelbagai kepayahan hidup terpaksa dilalui Sabariah yang mula bergelar ibu tunggal kepada tujuh anak pada usia semuda 35 tahun, selepas satu peristiwa pahit meragut nyawa suaminya pada 1978.

Suaminya, Salem Karim, ketika kejadian menunggang basikal ke tempat kerja, dilanggar lari oleh kenderaan dan meninggal dunia sejeurus dimasukkan ke hospital.

Ketika itu, anak sulungnya, Sabparie baru berusia 13 tahun, sementara anak bongsunya, Sulizawati, baru berusia dua tahun.

Sejak detik itu, dalam benak dan fikiran ibu tunggal yang kini berusia 57 tahun itu hanya tertanam satu keazaman - untuk memastikan semua tujuh anaknya mendapat pendidikan sempurna dan berjaya dalam pelajaran.

Hari ini, pengorbanan dan penat jerih lebih 20 tahun itu nyata berbaloi, apabila semua anaknya berjaya. Empat berjaya ke institusi pengajian tinggi (IPT), manakala tiga lagi sekurang-kurangnya berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Anak sulungnya, Sabparie dan anak kelimanya, Suria, 29, melanjutkan pengajian ke Institut Teknologi Mara (ITM), anak keempatnya, Shalawati, 31, ke Universiti Putera Malaysia (UPM), manakala anak ketiganya, Suhairie, 32, ke Universiti Malaya (UM).

Anak keduanya, Salinawati yang kini berusia 34 tahun, sebenarnya berpeluang melanjutkan pelajaran ke IPT, apabila diterima memasuki Universiti Islam Antarabangsa (UIA), namun demi membantu ibunya mencari rezeki, dia terpaksa berkorban dengan menolak pelawaan itu dan terus bekerja selepas lulus SPM.

Dua lagi anaknya, Mohammad Shamsul, 27, dan Sulizawati, lulus SPM dan kini masing-masingnya bekerja dengan Komag USA dan kerani di Bormas Sarawak. Shamsul juga sedang mengikuti kursus luar kampus dalam bidang mekanikal dengan sebuah institusi di Jepun.

Sementara bagi Sulizawati, keputusan untuk tidak melanjutkan pengajian dibuat kerana tidak mahu berjauhan dengan ibunya, yang sudah tua.

Kejayaan anak-anaknya pada hari ini adalah hasil titik peluh Sabariah yang mengusahakan perniagaan sate sebagai sumber rezeki untuk membesarkan anak-anaknya.

Meski mendapat bantuan Jabatan Kebajikan dan Persatuan Anak Yatim Negeri Sarawak (PAYNS), namun ia tidak memadai untuk belanja persekolahan dan membesarkan anak-anaknya.

Beliau hanya menerima bantuan RM40 sebulan daripada Jabatan Kebajikan dan RM70 sebulan daripada PAYNS.

Namun ada juga insan prihatin yang turut menghulurkan bantuan, selain Yayasan Sarawak, yang tampil menghulurkan biasiswa setelah melihat pencapaian cemerlang anak-anaknya dalam pelajaran.

Dalam usaha awalnya, setiap hari, ibu tunggal dari Kampung Pinang Jawa, Kuching, itu, berniaga di kaki lima, Lebu Market di tengah Bandaraya Kuching dengan dibantu anak-anaknya. Beliau berniaga mulai jam 3.30 petang hingga jam 10 malam.

Pulang daripada berjualan, beliau yang dibantu anak-anaknya tidak duduk diam, mencucuk sate sehingga tengah malam untuk jualan pada hari berikutnya.

Kadangkala, anak-anaknya juga akan bangun seawal jam 5 pagi untuk membantu ibu mereka mencucuk sate, membuat ketupat dan menyediakan kuahnya sebelum mereka ke sekolah.

Sabariah menjual sekitar 1,000 cucuk sate sehari dengan harga 10 sen secucuk. Ditolak modal dan perbelanjaan seharian, beliau dapat menabung sekitar RM30 sehari untuk belanja persekolahan anak-anaknya.

Bangku dan meja kecil turut disediakan di sebelah meja tempatnya berniaga, kerana anak lelakinya yang pulang dari sekolah akan terus ke situ untuk makan tengah hari, membuat kerja sekolah dan seterusnya membantu beliau berniaga.

Anak-anak perempuannya pula membantu beliau membuat kerja di rumah termasuk mengemas rumah, memotong dan membersihkan daging serta ayam serta memerapnya untuk dibuat sate.

Walaupun beberapa kali terlantar sakit, termasuk pernah terlantar sakit perut dan kaki selama dua minggu kerana terlalu letih mencari rezeki, namun Sabariah tidak pernah patah semangat. Beliau juga pernah dimasukkan seminggu ke hospital kerana menjalani pembedahan batu karang.

Tidak hairanlah berikutan semangat dan ketabahannya membolehkan beliau dianugerahkan Ibu Tunggal Cemerlang Negeri Sarawak oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada 1997, seterusnya pada 5 November 1998, beliau dihantar ke Kuala Lumpur untuk menerima Anugerah Ibu Tunggal Cemerlang 1997 peringkat kebangsaan.

Beliau menerima anugerah tempat pertama peringkat kebangsaan itu daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Selain pewter, Sabariah menerima sijil, wang tunai RM2,000 dan beberapa hadiah iringan.

Anugerah itu diberikan sebagai menghargai peranan ibu tunggal dalam menyara dan mendidik anak-anak hingga berjaya melalui amalan gaya hidup berjimat cermat, serta gigih menghadapi cabaran hidup berseorangan.

Hari ini, semua anak-anaknya berdikari dan sudah berumahtangga. Beliau kini mempunyai 17 cucu. Semua anaknya tinggal di rumah sendiri, kecuali Shamsul dan Sulizawati yang masih tinggal bersamanya. Kedua-dua mereka sudah berkeluarga dan masing-masing mempunyai seorang anak.

Sambil bersyukur dengan kehidupannya sekarang, Sabariah yang berhenti menjual sate dua tahun lalu, menganggap kejayaan anak-anaknya itu sebagai berkat kesabaran, ketabahan, kegigihan dan amalan hidup berjimat cermat yang diamalkannya.

"Alhamdulillah. Tuhan Maha Kaya. Selain berusaha dengan tulang empat kerat, setiap kali menunaikan sembahyang, saya sentiasa mendoakan kejayaan anak-anak," katanya.

(END)